



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1

Subjek:

**KOMUNIKASI RADIO WAYARLES
GOVERNMENT INTEGRATED RADIO
NETWORK (GIRN)**

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Komunikasi Radio Wayarles Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/2

1. PENGENALAN

Sistem komunikasi Government Integrated Radio Network (GIRN) merupakan satu Sistem Radio Digital Trunking yang selamat (secured) untuk kegunaan eksklusif bagi agensi-agensi keselamatan, penguatkuasa, penyelamat dan kecemasan kerajaan Malaysia. Sistem ini adalah milik kerajaan yang diuruskan dan dipertanggungjawabkan kepada Majlis Keselamatan Negara(MKN). Sistem ini membolehkan agensi-agensi berkomunikasi dengan satu sama lain dengan lebih efektif sambil melaksanakan keperluan-keperluan agensi. Sistem ini menggunakan teknologi TETRA (terrestrial Trunked Radio)

2. MATLAMAT

Matlamat POS ini adalah untuk menseragamkan peraturan dan prosedur komunikasi radio wayarles GIRN untuk digunapakai oleh semua perkhidmatan dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. POS ini dibahagikan kepada kepada tujuh (7) Sub POS dan hendaklah dibaca sebagai sebahagian dari POS ini:

- 2.1. POS : 4.1.1. - Penggunaan Channel (Talkgroup)
- 2.2. POS : 4.1.2. - Penggunaan Tanda Panggilan (Call sign)
- 2.3. POS : 4.1.3. - Tatacara Penghantaran dan Penerimaan
- 2.4. POS : 4.1.4. - Tatacara Ujian Radio

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Komunikasi Radio Wayarles Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/2

2.5. POS : 4.1.5. - Tugas dan Tanggungjawab

2.6. POS : 4.1.6. - Keselamatan GIRN


2.7. POS : 4.1.7. - Senggaraan

3. PEMBATALAN

Perintah Tetap Operasi Bil : 3/2002 – Komunikasi Radio Wayarles yang dikeluarkan pada 4 Februari 2002 dengan ini dibatalkan.

4. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh:

26/4.



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.1.

Subjek:

**PENGUNAAN CHANNEL
(TALK GROUP)**

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Pengunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/7

1. Tujuan

Untuk menentukan penggunaan channel yang tepat dan betul dalam operasi dan bukan operasi.

2. Channel

Jabatan menggunakan beberapa channel bagi tujuan komunikasi semasa sesuatu operasi seperti berikut:

NO	LOKASI	CHANNEL	CONTOH
2.1.	Balai	Channel Balai	BBP Subang – Channel Subang
2.2.	Zon	Channel Bahagian	Zon Tawau – Bhg Tawau
2.3.	Negeri	Channel 1 dan 2	Negeri Perak – JBPM Perak 1 dan JBPM Perak 2
		HAZMAT	HAZMAT Terengganu
		Rapid Intervention Motorcycle (RIM)	RIM Pulau Pinang
		Pasukan Penyelam	Scuba Sabah
2.4.	Kebangsaan	Channel CUBE, E2EE1, E2EE2 dan Management	CUBE diaktifkan bagi menghubungi semua PGO Negeri
2.5.	Bahagian Udara	UUB	
		Unit Udara 1,2,3,4,5	
2.6	Unit Pengesan	Canine 1,2,3,4	
2.7.	Kejuruteraan	Menggunakan Channel negeri	
2.8	Unit Penyiasatan	Menggunakan Channel negeri	
2.9.	Inteagency	Channel Inteagency 1,2 dan 3	Komunikasi di antara Bomba dan Hospital

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/7

3. Peringkat Negeri

3.1. Channel JBPM 1 (Channel Pentadbiran)

Setiap negeri mesti menggunakan channel JBPM 1 bagi tujuan komunikasi pentadbiran di antara ICC, PGO dan balai di negeri. Channel ini perlu diaktifasikan pada setiap masa melalui desktop. (Cth. Laporan Harian, Penyampaian maklumat penting oleh negeri kepada balai-balai). Sila rujuk Lampiran 1 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Negeri

3.2. Channel JBPM 2 (Channel Operasi)

3.2.1: Mesti menggunakan Channel JBPM 2 bagi tujuan komunikasi semasa menjalankan operasi kebombaan sahaja. ICC negeri, PGO negeri dan Balai mesti menempatkan sebuah handheld bagi tujuan ini.

3.2.2. ICC negeri dan PGO akan aktivasikan channel ini pada setiap masa, manakala Balai akan hanya aktifkan channel ini apabila ada operasi yang dihadiri oleh balai berkenaan sahaja. Sila rujuk Lampiran 1 dan 2 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Negeri

3.3. Peringkat Zon

3.3.1. Channel JBPM 1 (Channel Pentadbiran)

Channel JBPM 1 mesti digunakan bagi tujuan komunikasi perihal pentadbiran di antara ZON, ICC, PGO dan Balai

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 3/7

3.3.2. Channel Bahagian (Channel Operasi)

3.3.2.1. Komander Operasi mesti menggunakan channel zon bagi berkomunikasi dengan penyelia dari balai-balai bantuan

3.3.2.1. Penyelia dari balai bantuan mesti menggunakan channel zon bagi menghubungi Komander Operasi bagi menyampaikan maklumat operasi dan lain-lain. Sila rujuk Lampiran 1 dan 2 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Negeri

3.3.3. Insiden Komander

3.3.3.1. Apabila operasi melibatkan lebih daripada satu balai, Insiden Komander mesti menggunakan/berada dalam channel bahagian pada setiap masa, dan Ketua Balai, Penyelia, pegawai kanan, ICC atau PGO hendaklah menghubungi Komander melalui talkgroup bahagian.

3.3.3.2. Menukar ke channel JBPM 2 apabila berkomunikasi dengan PGO atau ICC bagi tujuan penyampaian maklumat operasi

3.3.3.3. Menukar ke channel balai apabila berkomunikasi dengan Ketua balai atau Penyelia balai semasa operasi. Sila rujuk Lampiran 1 dan 2 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Negeri

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Pengunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 4/7

3.4. Peringkat Balai

3.4.1. Channel JBPM 1 (Channel Pentadbiran)

Bilik Awasan Balai mesti menggunakan channel JBPM 1 bagi tujuan urusan pentadbiran di antara ICC dan PGO. Bilik Awasan mesti menggunakan channel JBPM 1 bagi desktop balai.

3.4.2. Channel JBPM Balai (Channel Operasi)

Bilik Awasan Balai mesti menggunakan channel JBPM balai bagi tujuan komunikasi di antara Bilik Awasan Balai dengan tempat operasi pada setiap masa. Contoh BBP Pandan Indah akan menggunakan **channel Pandan Indah** semasa operasi. Bilik Awasan Balai mesti menempatkan sebuah handheld bagi tujuan ini. Sila rujuk Lampiran 3 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Balai

3.4.3. Insiden Komander

3.4.3.1. Operasi hanya melibatkan Satu Balai

3.4.3.1.1. Komander Insiden mesti menggunakan channel balai bagi tujuan komunikasi dengan anggota pemadam balai pada setiap masa

3.4.3.1.2. Menukar ke channel JBPM 2 apabila berkomunikasi dengan PGO atau ICC bagi tujuan penyampaian maklumat operasi

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 5/7

3.4.3.1.3. Komander mesti menggunakan/berada dalam channel balai pada setiap masa, dan pegawai kanan, ICC atau PGO boleh menghubungi Komander melalui talkgroup balai.

3.4.3.2. Operasi Yang melibatkan Zon

- 3.4.3.2.1. Sekiranya Insiden Komander diperingkat zon dilantik, maka Ketua Balai atau Penyelia atau pegawai operasi Balai yang sebelum ini bertindak sebagai Insiden Komander akan menjalankan tugas sebagai pegawai operasi pasukan.
- 3.4.3.2.2. Pegawai Operasi (Balai bantuan) akan masih menggunakan channel Balai untuk tujuan komunikasi di antara pasukan balainya
- 3.4.3.2.3. Pegawai Operasi akan menukar ke channel Bahagian apabila berkomunikasi dengan Insiden Komander baru
- 3.4.3.2.4. Pegawai operasi mesti menggunakan/berada dalam channel balai pada setiap masa, dan Insiden Komander, pegawai kanan, ICC atau PGO boleh menghubungi Pegawai Operasi melalui channel (talkgroup) balai. Sila rujuk Lampiran 3 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Balai

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 6/7

3.4.4. Jentera Operasi

Jentera pemadaman yang menghadiri operasi mesti menggunakan channel balai di mana jentera ini ditempatkan.

3.5. Peringkat Kebangsaan

3.5.1. Channel CUBE (Urusan Pentadbiran)

3.5.1.1. PPO mesti menggunakan channel CUBE bagi tujuan perhubungan di antara semua PGO negeri dan mesti diaktifasikan pada setiap masa

3.5.1.2. PGO negeri mesti menempatkan sebuah handheld bagi tujuan komunikasi di antara PPO dan PGO pada setiap masa. Sila rujuk Lampiran 4 dan 5 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Kebangsaan

3.6. Channel E2EE1 dan E2EE2

Mesti menggunakan channel E2EE1 dan E2EE2 bagi tujuan operasi besar melibatkan pergerakan aset dan sumber dari negeri-negeri. Sila rujuk Lampiran 4 dan 5 bagi Jaringan Komunikasi di Peringkat Kebangsaan.

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Channel (Talk group) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 7/7

3.7. Tarikh Kuatkuasa


Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)


Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh: 26/4 .


**ALIRAN KOMUNIKASI BAGI
OPERASI MENGGUNAKAN IMS DI PERINGKAT NEGERI
(SEKSYEN OPERASI)**




**ALIRAN KOMUNIKASI BAGI
OPERASI MENGGUNAKAN IMS DI PERINGKAT NEGERI
(SEKSYEN PERANCANGAN)**




**ALIRAN KOMUNIKASI BAGI
OPERASI YANG DIHADIRI OLEH SATU BALAI SAHAJA**




**ALIRAN KOMUNIKASI BAGI
OPERASI YANG DIHADIRI OLEH SATU BALAI SAHAJA**



**ALIRAN KOMUNIKASI BAGI
OPERASI MENGGUNAKAN IMS DI PERINGKAT KEBANGSAAN
(SEKSYEN OPERASI)**



**ALIRAN KOMUNIKASI BAGI
OPERASI MENGGUNAKAN IMS DI PERINGKAT KEBANGSAAN
(SEKSYEN PERANCANGAN)**





PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.2.

Subjek:

**PENGUNAAN TANDA PANGGILAN
(CALL SIGN)**

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Tanda Panggilan (call Sign) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.2.
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/3

1. Tujuan

Untuk menentukan penggunaan tanda panggilan (call sign) yang tepat/betul semasa operasi dan bukan operasi dan tanda panggilan umum yang mesti digunakan oleh setiap pegawai bomba.

2. Tanda Panggilan Semasa Bukan Operasi (Pentadbiran)

Tanda Panggilan berikut mesti digunakan oleh semua pegawai bomba bagi tujuan komunikasi yang melibatkan bukan operasi kebombaan di semua peringkat (ibupejabat JBPM, negeri, bahagian, unit dan balai) :-

BIL	TANDA PANGGILAN	CATATAN
2.1.	Pegawai kanan diperingkat Ibupejabat JBPM	Lampiran 1
2.2.	Pegawai bomba diperingkat ibupejabat diperingkat negeri	Lampiran 2
2.3.	Pegawai bomba diperingkat balai Kategori A dan B	Lampiran 3
2.4.	Pegawai bomba diperingkat balai Kategori B	Lampiran 4
2.5.	Pegawai bomba diperingkat balai Kategori C	Lampiran 5
2.6.	Pegawai bomba diperingkat Hazmat	Lampiran 6

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Tanda Panggilan (call Sign) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.2.
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/3

3. Tanda Panggilan Semasa Operasi

Tanda Panggilan yang mesti digunapakai semasa semua jenis operasi adalah seperti :

BIL	TANDA PANGGILAN	CATATAN
3.1.	Operasi Pemadaman / Kecemasan (IMS)	Lampiran 7
3.2.	Anggota Pemadam, Penyelamat, Penyelia, Ketua Balai (IMS)	Lampiran 8
3.3.	Pasukan HAZMAT	Lampiran 9
3.4.	Pasukan Penyelam	Lampiran 10
3.5.	Bilik Awasan Balai	Lampiran 11 ✓

4. Tanda Panggilan Umum

Tanda panggilan umum yang boleh digunapakai dalam keadaan operasi dan bukan operasi adalah seperti berikut :

BIL	TANDA PANGGILAN	CATATAN
4.1.	Pusat Pengurusan Operasi	Lampiran 11'
4.2.	Pusat Gerakan Operasi Negeri	Lampiran 12
4.3.	Integrated Command Centre (ICC) Negeri	Lampiran 12
4.4.	Bilik Awasan Balai	Lampiran 13

5. Tanda panggilan bagi Jentera dan Kenderaan Bomba

Tanda Panggilan yang mesti digunapakai semasa operasi adalah seperti Lampiran 14

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Penggunaan Tanda Panggilan (call Sign) Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.2.
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 3/3

6. Tanda panggilan bagi Bot Bomba

Tanda Panggilan yang mesti digunapakai semasa operasi adalah seperti

Lampiran **15**

4

7. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HARIZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh:

24/4.

**TANDA PANGGILAN PEGAWAI KANAN
IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Ketua Pengarah		BOMBA 01
2	Tim. Ketua Pengarah (O)		BOMBA 02
3	Tim. Ketua Pengarah (P)		BOMBA 03
4	Pen. Ketua Pengarah (O)		BOMBA 04
5	Ketua Seksyen Pengurusan		BOMBA 05
6	Ketua Caw. PPO		BOMBA 06
7	Ketua Caw. Pengurusan operasi		BOMBA 07
8	Ketua Caw. Pengurusan Pasukan		BOMBA 08
	Penyelamat		
9	Pen. Ketua Pengarah Keselamatan		BOMBA 09
	Kebakaran		
10	Pen. Ketua Pengarah Latihan		BOMBA 010
11	Pen. Ketua Pengarah Penyiasatan		BOMBA 011
	Kebakaran		
12	Pen. Ketua Pengarah Pembangunan		BOMBA 012
13	Pen. Ketua Pengarah R&D		BOMBA 013
14	Pen. Ketua Pengarah Bhg. Udara		BOMBA 014
15	Pen. Pengarah Pengurusan Korporat		BOMBA 015
	dan Perhubungan Awam		
16	Pengarah Pengurusan		BOMBA 016
17	Pengarah Kejuruteraan		BOMBA 017

**TANDA PANGGILAN
IBU PEJABAT NEGERI
(BUKAN OPERASI)**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Pengarah		SELANGOR 01
2	Tim. Pengarah		SELANGOR 02
3	Pen. Pengarah Operasi		SELANGOR 03
4	Pen. Pengarah Latihan		SELANGOR 04
5	Pen. Pengarah Keselamatan		SELANGOR 05
	Kebakaran		
6	Pen. Pengarah Penyiasatan		SELANGOR 06
	Kebakaran		
7	Pen. Pegawai Tadbir		SELANGOR 07
8	Ketua Pegawai Kejuruteraan		SELANGOR 08
9	Pegawai Perhubungan Awam		SELANGOR 09

**TANDA PANGGILAN
BALAI KATEGORI A DAN B
(BUKAN OPERASI)**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Ketua Balai		SHAH ALAM O1
2	Tim. Ketua Balai		SHAH ALAM O2
3	On Call 1		SHAH ALAM O3
4	On Call 2		SHAH ALAM O4
5	Pegawai Operasi FRT 1		SHAH ALAM O5
6	Pegawai Operasi FRT 2		SHAH ALAM O6
7	Penyelia Operasi FRT 1		SHAH ALAM O7
8	Penyelia Operasi FRT 2		SHAH ALAM O8

**TANDA PANGGILAN
BALAI KATEGORI B
(BUKAN OPERASI)**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Ketua Balai		PERAI 01
2	Tim. Ketua Balai		PERAI 02
5	Pegawai Operasi FRT 1		PERAI 03
4	Pegawai Operasi FRT 2		PERAI 04
5	Penyelia Operasi FRT 1		PERAI 05
6	Penyelia Operasi FRT 2		PERAI 06

**TANDA PANGGILAN
BALAI KATEGORI C
(BUKAN OPERASI)**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Ketua Balai		TUMPAT O1
2	Pegawai Operasi		TUMPAT O2
3	Penyelia Pasukan		TUMPAT O3

**TANDA PANGGILAN
HAZMAT
(BUKAN OPERASI)**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Hazmat 1		Hazmat S'gor 01
2	Hazmat 2		Hazmat S'gor 02
5	Hazmat 3		Hazmat S'gor 03
4	Hazmat 4		Hazmat S'gor 04
5			
6			

**TANDA PANGGILAN
SEMASA OPERASI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

BIL	PENGGUNA	TANDA PANGGILAN	
1	Insiden Komander	Komander	Commander
2	Ketua Seksyen Operasi	Ketua Operasi	Operation Chief
3	Ketua Seksyen Perancangan	Ketua Perancangan	Planning Chief
4	Ketua Seksyen Lojistik	Ketua Lojistik	Logistic Chief
5	Ketua Kewangan dan	Ketua Kewangan	Finance Chief
6	Pentadbiran		
7	Pegawai Keselamatan	Safety Officer	Safety Officer
8	Pegawai Informasi	Pegawai Informasi	Information Officer
9	Pegawai Perhubungan	Liaison Officer	Liaison Officer
	Pusat Kawalan Bomba	PKB	
	Pos Kawalan Hadapan	PKH	

**TANDA PANGGILAN
ANGGOTA PEMADAM, PENYELAMAT, PENYELIA DAN KETUA BALAI
SEMASA MENJALANKAN TUGAS DI BAWAH SEKTOR
(IMS PERINGKAT NEGERI)**

BIL	PENGGUNA	TANDA PANGGILAN	CADANGAN LAIN
1	Anggota Pemadam	PEMADAM 1	Pemadam Subang 1
2	Anggota Pemadam	PEMADAM 1	Pemadam Subang 1
1	Anggota Penyelamat	PENYELAMAT 1	Penyelamat Mantin 1
2	Anggota Penyelamat	PENYELAMAT 1	Penyelamat Mantin 1
1	Penyelia Balai	Ketua Arau	Ketua Operasi Arau
2	Penyelia Balai	Ketua Kangar	Ketua Operasi Kangar
1	Ketua Balai	Ketua Arau	
2	Ketua Balai	Ketua Kangar	
1	Sektor 1	Sektor Kg. Jawa	Functional or Geographical
2	Sektor 2	Sektor Kg. Telok	
3	Sektor 3	Sektor Kg. Ara	

**TANDA PANGGILAN
ANGGOTA HAZMAT
SEMASA MENJALANKAN TUGAS DI BAWAH SEKTOR
(IMS PERINGKAT NEGERI)**

BIL	PENGGUNA	TANDA PANGGILAN
1	Komander Hazmat	Komander Hazmat
2	Safety Officer	SAFETY HAZMAT
2	BACO	BACO HAZMAT
3	Pump Operator	PUMP HAZMAT
4	Decon	DECON 1
5	Decon	DECON 2
6	Diver 1	DIVER 1
7	Diver 1	DIVER 1
8	Diver 2	DIVER 2
9	Diver 2	DIVER 2
10	Rapid Intervention Team	RIT Team
11	Rapid Intervention Team	RIT Team

**TANDA PANGGILAN
PASUKAN PENYELAM
(SEMASA OPERASI)**

BIL	PENGGUNA	TANDA PANGGILAN	CADANGAN LAIN
1	KOMANDER OPERASI	KOMANDER SELAM	
2	KETUA PENYELAM	KETUA PENYELAM	
3	SAFETY OFFICER	SAFETY OFFICER	
4	TENDER	TENDER	
5	BOTMAN	BOTMAN	

**TANDA PANGGILAN
PUSAT PENGURUSAN OPERASI (PPO)**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	PPO		PPO BOMBA

**TANDA PANGGILAN
PUSAT GERAKAN OPERASI NEGERI DAN
INTEGRATED COMMAND CENTRE NEGERI**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	Pusat Gerakan Operasi	PGO	PGO SELANGOR
2	Integrated Command Centre	ICC	ICC SELANGOR

**TANDA PANGGILAN
BILIK AWASAN BALAI**

BIL	PENGGUNA	ANGKA	TANDA PANGGILAN
1	BBP PANDAN INDAH		KAWALAN PANDAN
2	BBP ARAU		KAWALAN ARAU
3	BBP TAIPING		KAWALAN TAIPING
4	BBP PERAI		KAWALAN PERAI
5	BBP MANTIN		KAWALAN MANTIN
6	BBP KUNAK		KAWALAN KUNAK
7	BBP LAWAS		KAWALAN LAWAS
8	BBP MUAR		KAWALAN MUAR
9	BBP KERTEH		KAWALAN KERTEH
10	BBP KULIM		KAWALAN KULIM
11	BBP TUMPAT		KAWALAN TUMPAT
12	BBP KARAK		KAWALAN KARAK
13	BBP LABUAN		KAWALAN LABUAN
14	BBP PUTRAJAYA		KAWALAN PUTRAJAYA
15	BBP CHERAS		KAWALAN CHERAS
16	BBP AYER KEROH		KAWALAN AYER KEROH

TANDA PANGGILAN JENTERA DAN KENDERAAN BOMBA

BIL	JENTERA/KENDERAAN	TANDA PANGGILAN
1	Fire Rescue Tander (FRT)	FRT Perai 2
2	Light Fire Rescue Tander (LFRT)	LFRT Perai 3
3	Rapid Intervention Motorcycle (RIM)	RIM Perai 4
4	Water Tanker (WT)	WT Perai 5
5	High Performance Pump Module (HPPM)	HPPM Perai 6
6	Turn Table Ladder (TTL)	TTL Perai 7
7	Van Unit Penyiasatan Kebakaran	Penyiasatan 9
BIL	KENDERAAN UTILITI	
1	Ketua Balai	Perai 1
2	Van	Perai 8

Cth: Komander operasi melapor FRT Perai 2 bersama
dengan 5 anggota pemadam menghadiri kebakaran api rumah

**TANDA PANGGILAN
BOT JBPM**

BIL	BOT	TANDA PANGGILAN
1	Fire Rescue Bot (FRB)	FRB 1
2	Rigid Hull Inflatable Boat (RHIB) Kevlar	KEVLAR PUTRAJAYA
3	Aluminium Boat	RESCUE BOT SIBU
4	Amphibious Boat	AMPHIBIOUS BOT SIBU 2
5		
6		



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.3.

Subjek:

TATACARA PERCAKAPAN RADIO

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tatacara Percakapan Radio Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.3
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/3

1. Tujuan

Sub POS ini bertujuan untuk menseragamkan Tatacara Penghantaran dan Penerimaan radio agar ianya selaras di seluruh negara

2. Tatacara Penghantaran

2.1. Penghantaran Terus

2.1.1. Dalam kaedah ini pihak yang DIPANGGIL hendaklah disebut dahulu diikuti dengan perkataan khas DARI pihak yang memanggil dan diakhiri dengan perkataan khas OVER. Cth. ICC Selangor dari Kawalan Pandan Indah, Over

2.1.2. Pihak yang menjawab hendaklah menjawab seperti berikut: Cth. Terima Kawalan Pandan Indah, Jalan berita Over.

2.2. Penghantaran Hebahan

2.2.1. Dalam kaedah ini pihak yang membuat hebahan hendaklah mengenalkan diri terlebih dahulu seperti contoh "ICC Sabah kepada Kawalan Tawau, Keningau Over atau Kepada semua Kawalan, Sila ambil perhatian

2.2.2. Dalam keadaan ini semua kawalan-kawalan mesti maklumbalas terlebih dahulu sebelum ICC negeri meneruskan hebahan, seperti berikut:

Kawalan Tawau stand-by

Kawalan Keningau stand-by

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tatacara Percakapan Radio Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.3
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/3

2.2.3. Setelah semua Kawalan bersedia untuk menerima berita selanjutnya barulah Kawalan Pusat meneruskan berita dengan nada dan kelajuan biasa.

2.2.4. Jika perlu ulangan berita hendaklah dibuat setelah habis penghantaran tersebut.

2.3. Tatacara Penerimaan

2.3.1. Setelah tamat menghantar dan menerima berita, pihak yang menerima panggilan akan menamatkan perhubungan seperti berikut:

Berita faham, ICC Selangor stand-by atau

Berita diterima dan akan dilaksanakan, roger stand-by

Ujian terang dan jelas, roger stand-by

3. Peraturan Am Komunikasi Radio

3.1. Tekan butang PTT (Push-to-talk) sehingga kedengaran bunyi..... sebelum memulakan perhubungan

3.2. Bercakap dengan jarak mikrofon 5 sm dari mulut

3.3. Jangan menjerit semasa menggunakan radio

3.4. Gunakan sebutan baku semasa membuat perhubungan radio

3.5. Sebarang perkataan yang sukar dan dikhuatiri disalah terima hendaklah dieja dengan abjad fonetik

3.6. Gunakan kelajuan bercakap yang biasa semasa membuat perhubungan radio


3.7. Jangan ulang setiap perkataan yang dihantar/terima. Ulangi jika perlu pada tempat-tempat tertentu sahaja

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tatacara Percakapan Radio Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.3
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 3/3

3.8. Mesej hendaklah pendek, tepat dan jelas

4. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.
Tarikh: 26/4 .



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.4.

Subjek:

TATACARA UJIAN RADIO

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tatacara Ujian Radio Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.4
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/2

1. Tujuan

Sub POS ini bertujuan untuk menseragamkan Tatacara Ujian radio agar ianya selaras di seluruh negara

2. Tatacara Ujian

- 2.1. ICC negeri hendaklah memulakan ujian radio kepada semua kawalan di bawah kawalanya
- 2.2. Kawalan – kawalan lain hendaklah membuat ujian dengan kawalan bersebelahan
- 2.3. Ujian radio hendaklah dibuat dengan bilangan 1,2,3,4,5, 5,4,3,2,1 untuk menentukan mutu kekuatan penghantaran dan penerimaan
- 2.4. Mutu penerimaan hendaklah ditentukan dengan skel berikut:
 - 2.4.1. ROMEO 5- suara diterima 100% dari jumlah penghantaran tanpa gangguan (terang dan jelas)
 - 2.4.2. ROMEO 4 – suara diterima 100% dari jumlah penghantaran tanpa gangguan
 - 2.4.3. ROMEO 3 – suara diterima tetapi hanya boleh difahami sebanyak 80% dari jumlah penghantaran dengan gangguan
 - 2.4.5. ROMEO 2 – suara diterima tetapi hanya boleh difahami sebanyak 50% dari jumlah penghantaran dengan gangguan
 - 2.4.6. ROMEO 1 – suara diterima tetapi tidak boleh difahami langsung

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tatacara Ujian Radio Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.4
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/2

3. Ujian – Ujian Radio

- 3.1. Dalam masa setengah jam selepas waktu masuk tugas
- 3.2. Selepas pembaikan dan pemasangan radio
- 3.3. Sewaktu membuka semula radio selepas menutup sementara
- 3.4. Ujian oleh Sapura
- 3.5. Sewaktu penubuhan Pusat Kawalan Bomba dan Pos Kawalan Hadapan berfungsi
- 3.6. Lain-lain ujian yang difikirkan perlu

4. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.
Tarikh: 20/4/20



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.5.

Subjek:

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/12

1. Tujuan

POS ini disediakan bagi menerangkan tugas dan tanggungjawab dalam penggunaan GIRN di peringkat Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, ICC dan PGO negeri, Bilik Awasan Balai, PPO JBPM dan Bahagian Kejuruteraan.

2. Tugas dan Tanggungjawab Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat

- 2.1. Bahagian Operasi Kebommbaan adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam semua aspek yang berkaitan dengan Sistem GIRN.
- 2.2. Bahagian ini akan bertindak selaku *Process Owner* yang akan berdamping rapat dengan Majlis Keselamatan Negara dan syarikat SAPURA sebagai pemegang konsesi. Tugas dan tanggungjawab Bahagian Operasi adalah seperti berikut :

2.2.1. Menubuhkan Jawatankuasa Sistem GIRN JBPM.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengkaji, merancang dan menentukan halatuju Sistem GIRN JBPM. Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut : Merancang keperluan sistem GIRN untuk kegunaan JBPM.

- 2.2.1.1. Bertanggungjawab mengubal dasar dan arahan berhubung dengan komunikasi GIRN JBPM.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/12

2.2.1.2. Berkerjasama dengan syarikat pemegang konsesi dan agensi-agensi terlibat dalam penggunaan sistem GIRN bagi kepentingan JBPM

2.2.1.3. Menyemak dan memproses semua permohonan keperluan perkhidmatan komunikasi GIRN di peringkat JBPM.

2.2.1.4. Bertanggungjawab terhadap keselamatan komunikasi GIRN di peringkat JBPM.

2.2.1.5. Memberi nasihat teknikal dan pengoperasian perkhidmatan komunikasi GIRN kepada pengguna.

2.2.1.6. Memantau pelaksanaan kerja-kerja pemasangan, percubaan dan pengoperasian kemudahan perkhidmatan komunikasi GIRN JBPM.

2.2.1.7. Mengkoordinasikan ujian nilai dan ujian penerimaan peralatan komunikasi GIRN.

2.2.1.8. Menyelaras dan menyelia aktiviti-aktiviti latihan kepada pengguna-pengguna peralatan GIRN JBPM.

2.2.1.9. Mengurus, mentadbir dan membuat validasi ke atas semua aset dan perkhidmatan komunikasi GIRN JBPM.

2.2.2. Penerimaan dan Pengagihan

2.2.2.1. Sistem GIRN adalah aset kerajaan di bawah tanggungjawab MKN.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 3/12

2.2.2.2. Penerimaan dan pengagihan peralatan-peralatan GIRN untuk JBPM adalah di bawah kawalan Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

2.2.3. Pengauditan

Bahagian Operasi Kebombaan akan menentukan pengauditan peralatan GIRN mengikut peraturan audit barang-barang terkawal semasa. Tumpuan pengauditan adalah kepada perkara-perkara berikut :

1. Pemeriksaan fizikal ke atas terminal.
2. Pemeriksaan ISSI.
3. Penetapan konfigurasi terminal.

3. Tugas dan Tanggungjawab Bahagian Operasi Negeri

Bahagian Operasi Negeri yang dibekalkan dengan Sistem GIRN mesti bertanggungjawab dalam menentukan perkara-perkara berikut :

- 3.1. Merancang dan memajukan keperluan Sistem GIRN ke Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.
- 3.2. Mengurus dan mentadbir semua perkhidmatan komunikasi GIRN di peringkat negeri, unit dan balai.
- 3.3. Memberi nasihat teknikal dan pengoperasian GIRN kepada pengguna.
- 3.4. Bertanggungjawab terhadap keselamatan GIRN di peringkat negeri, unit dan balai.

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 4/12

- 3.5. Menyelaras dan menyelia aktiviti-aktiviti latihan kepada pengguna-pengguna peralatan GIRN di peringkat negeri, unit dan balai.
- 3.6. Melantik Line/Radio Dispatcher mengikut keperluan.
- 3.7. Memantau proses senggaraan.

4. Tugas dan Tanggungjawab ICC Negeri

- 4.1. Mengurus penerima panggilan kecemasan daripada MERS 999, CCS 994, atau orang awam
- 4.2. Menguruskan pemilihan balai dan penghantaran jentera ke tempat kejadian selepas alamat dan jenis kejadian dikenalpasti. Gunakan channel JBPM 1
- 4.3. Menguruskan penghantaran bantuan (tenaga manusia, jentera) ke tempat kejadian apabila menerima arahan daripada Komander Operasi tempat kejadian atau PGO
- 4.4. Menguruskan penghantaran bantuan (tenaga manusia, jentera) ke tempat kejadian apabila menerima arahan daripada Pusat Gerakan Operasi (PGO) negeri
- 4.5. Mengurus dan mendokumenkan segala kronologi tindakan operasi, bantuan dan lain-lain hal operasi dalam buku occurrence pada setiap masa
- 4.6. Menguruskan penggunaan channel dan tanda panggilan yang betul oleh semua responden semasa operasi
- 4.7. Mengaktifkan channel JBPM 1 (desktop) dan JBPM 2 (handheld) pada setiap masa

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 5/12

- 4.8. Menghubungi PGO negeri atau Komander Operasi sekiranya memerlukan maklumat perihal operasi

5. Tugas dan Tanggungjawab PGO Negeri

- 5.1. Menguruskan plan tindakan strategik operasi / IAP
- 5.2. Menguruskan dan menyediakan laporan awal kejadian
- 5.3. Menguruskan dan menyediakan laporan moncut merah
- 5.4. Memastikan kehadiran pegawai kanan di tempat kejadian
- 5.5. Menguruskan bantuan (sumber) ke tempat kejadian dengan menghubungi ICC negeri
- 5.6. Menguruskan bantuan (sumber) ke tempat kejadian dengan menghubungi PGO negeri berhampiran atau PPO JBPM
- 5.7. Menguruskan dan memastikan penggunaan channel dan tanda panggilan yang betul oleh semua responden semasa operasi
- 5.8. Mengaktifkan channel JBPM 1 (desktop) dan JBPM 2 (handheld) pada setiap masa
- 5.9. Menguruskan dan mendokumenkan segala kronologi tindakan operasi, bantuan dan lain-lain hal operasi dalam buku occurrence pada setiap masa
- 5.10. Menghubungi Insiden Komander atau ICC negeri untuk mendapatkan maklumat perihal operasi yang sedang dihadiri
- 5.11. Menguruskan permohonan RDU dan Gateway dengan menghubungi PPO JBPM
- 5.12. Menguruskan penerimaan dan pengagihan peralatan-peralatan GIRN untuk JBPM negeri adalah di bawah kawalan PGO.

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 6/12

6. Tugas dan Tanggungjawab Bilik Awasan Balai

- 6.1. Menggerakan jentera ke tempat kejadian dan melaporkan keluaran jentera ke ICC negeri menggunakan channel JBPM 1
- 6.2. Mengaktifkan channel JBPM 1 (desktop) pada setiap masa dan Channel Balai (handheld) apabila menghadiri operasi
- 6.3. Mendokumenkan segala kronologi tindakan operasi, bantuan dan lain-lain hal operasi dalam buku occurrence pada setiap masa.
- 6.4. Menghubungi Insiden Komander atau ICC negeri untuk mendapatkan maklumat perihal operasi yang sedang dihadiri – apabila perlu sahaja.
- 6.5. Membantu menguruskan permohonan bantuan daripada Komander Operasi, ICC negeri atau PGO negeri apabila diarahkan

7. Tugas dan Tanggungjawab Insiden Komander

7.1. Peranan Umum

- 7.1.1. Melaporkan ke ICC, PGO, Bilik Awasan dan semua anggota pemadam bahawa beliau akan bertindak sebagai Komander Insiden setibanya di tempat kejadian
- 7.1.2. Memastikan penggunaan channel dan tanda panggilan yang betul oleh semua responden semasa operasi
- 7.1.3. Mengaktifkan gateway bagi kawasan yang tidak mempunyai coverage
- 7.1.4. Melaporkan status operasi kepada pegawai kanan apabila diperlukan

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 7/12

7.1.5. Membuat pengumuman penyerahan kuasa Insiden Komander kepada pegawai yang lebih kanan ke ICC, PGO, Bilik Awasan Balai dan semua anggota pemadam di tempat kejadian. Penyerahan kuasa mesti dicatatkan dalam buku occurrence PGO, ICC dan Bilik Awasan Balai.

7.1.6. Menilai dan membuat keputusan dari asprk keperluan Rapid Deployment Unit (RDU) bagi kawasan operasi yang tidak mempunyai liputan rangkaian GERN

7.2. Tugas Komander Bagi Insiden Satu Balai

7.2.1. Melaporkan kehadiran, masa api di kawal, padam dan lain-lain tindakan operasi ke PGO negeri

7.2.2. Memohon bantuan operasi daripada PGO melalui channel JBPM 2

7.2.3. Insiden Komander mesti mengaktifkan channel Balai dan channel JBPM 2 bagi tujuan pengurusan operasi ditempat kejadian bagi kejadian yang dihadiri oleh satu balai sahaja

7.3. Tugas Komander Bagi Insiden Peringkat Negeri

7.3.1. Mengaktifkan penggunaan sistem komunikasi bagi Melapor kepada Pusat Kawalan Bomba segala bantuan yang diperlukan

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 8/12

**8. Tugas dan Tanggungjawab Unit Komunikasi Di bawah Seksyen
Lojistik di Bawah IMS**

- 8.1. Mengujudkan rangkaian komunikasi di Pos Kawalan Bomba (PKB) ditempat opeasi.
- 8.2. Menguruskan dan menentukan penggunaan channel yang betul oleh command staff dan general staff di bawah IMS
- 8.3. Menguruskan penggunaan call sign yang betul oleh command staff dan general staff di bawah IMS
- 8.4. Menentukan penyerahan dan penerimaan walkie talkie diuruskan secara teratur

9. Ketua Balai/Bahagian Kejuruteraan /

- 9.1. Menentukan tempat penyimpanan dan keselamatan walkie talkie sentiasa dipatuhi
- 9.2. Memastikan prosedur melaporkan kehilangan dan kerosakan walkie sentiasa dipatuhi
- 9.3. Menjalankan pemeriksaan mengejut perihal walkie talkie

10. Penyelia Pasukan

- 10.1. Memastikan prosedur penerimaan dan penyerahan walkie talkie dilaksanakan secara teratur

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 9/12

11. Tugas Pengurus Radio (Radio Manager)

Pengurus Radio adalah seorang Pegawai bomba yang sekurang-kurangnya berpangkat Penolong Penguasa. Tugas dan tanggungjawab beliau adalah seperti berikut :

- 11.1. Membuat konfigurasi dan instalasi program ke dalam semua terminal GIRN mengikut ketetapan rangkaian.
- 11.2. Membantu Pengurus Rangkaian dalam mengenalpasti keperluan dan menyediakan *Talk Group*.
- 11.3. Menyedia dan mengemaskini dokumentasi serta template, bagi pengguna-pengguna yang berada di ibupejabat / negeri / Bahagian / Unit.
- 11.4. Membuat perubahan PIN/program dan mengawal PUK bagi semua terminal yang berada di ibupejabat / negeri / Bahagian / Unit.

12. Tugas Penyelia Line Dispatcher

Ibupejabat JBPM dan negeri perlu melantik Penyelia *Line Dispatcher* berpangkat tidak kurang dari Penolong Kanan Penguasa. Beliau bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut :

- 12.1. Mengawal dan mengendalikan pengoperasian *Line Dispatcher*.
- 12.2. Menentukan keselamatan kabin/pejabat *Line Dispatcher*.
- 12.3. Melaksanakan tindakan *DGNA* atas arahan Pengurus Rangkaian.
- 12.4. Mengawal penyambungan panggilan yang hendak dibuat sebagaimana peraturan yang ditetapkan.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 10/12

- 12.5. Melaporkan sebarang kerosakan sistem dan kehilangan terminal GIRN serta mengambil tindakan susulan.

13. Tugas Operator Line Dispatcher

Operator *Line Dispatcher* adalah seorang pegawai bomba yang terlatih dan bertanggungjawab keatas perkara-perkara berikut :

- 13.1. Mengendali *Line Dispatcher*.
- 13.2. Menjaga keselamatan dan kebersihan kabin/pejabat *Line Dispatcher*.
- 13.3. Melaksanakan tindakan *DGNA* atas arahan Pengurus Rangkaian.
- 13.4. Membuat penyambungan panggilan yang hendak dibuat sebagaimana peraturan yang ditetapkan.
- 13.5. Melaporkan sebarang kerosakan sistem dan kehilangan terminal GIRN serta mengambil tindakan susulan.
- 13.6. Bertindak sebagai Operator Gateway sekiranya penempatan tersebut setempat dengan *Gateway*.

14. Tugas Operator Radio Dispatcher

Operator *Radio Dispatcher* adalah seorang pegawai bomba yang terlatih dan bertanggungjawab keatas perkara-perkara berikut :

- 14.1. Mengendali *Radio Dispatcher*.
- 14.2. Menjaga keselamatan dan kebersihan kabin/pejabat *Radio Dispatcher*.
- 14.3. Melaporkan sebarang kerosakan sistem dan kehilangan terminal GIRN serta mengambil tindakan susulan.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 11/12

15. Tugas Operator Gateway

Tanggungjawab pengendalian Gateway adalah bergantung kepada lokasi peralatan tersebut ditempatkan. Operator gateway ini adalah seorang pegawai bomba yang telah dilatih dan bertanggungjawab bagi perkara-perkara berikut :

- 15.1. Mengendali dan mengawal peralatan gateway yang dibekalkan.
- 15.2. Menentukan penyambungan perhubungan mengikut keperluan.
- 15.3. Melaporkan sebarang kerosakan yang melibatkan gateway.

16. Tugas Pengguna Terminal


Pengguna terminal adalah semua lapisan anggota yang dibekalkan dengan peralatan GIRN baik bagi tujuan operasi mahupun pentadbiran serta pengurusan logistik. Setiap anggota yang mengendalikan sistem GIRN ini, sama ada sistem sokongan mahupun terminal adalah bertanggungjawab dalam menentukan :

- 16.1. Menentukan keselamatan dan kebersihan fizikal peralatan.
- 16.2. Pematuhan kepada semua prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.
- 16.3. Tidak menyalahguna peralatan yang dibekalkan.
- 16.4. Melapor dengan segera sekiranya berlaku kerosakan, kehilangan atau kecurian.
- 16.5. Menentukan serah/terima peralatan dibuat dengan betul dan direkodkan berpanduan kepada peraturan yang ditetapkan.
- 16.6. Sekiranya PIN ditukar, ianya hendaklah ditukar ke PIN asal sebelum diserahkan kepada orang lain.
- 16.7. Menentukan semua peralatan yang memerlukan senggaraan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Tugas dan Tanggungjawab Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.5
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 12/12

17. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.
Tarikh: 26/4.



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.6.

Subjek:

KESELAMATAN

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Keselamatan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.6
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/2

1. Tujuan

Untuk menentukan keselamatan GIRN dalam semua aspek penggunaan

2. Peringkat Keselamatan

- 2.1. Di peringkat negeri Penolong Pengarah Negeri adalah bertanggungjawab
- 2.2. Pegawai adalah tidak dibenarkan membawa pulang terminal ke rumah atau meletak di kenderaan persendirian.
- 2.3. Diperingkat Balai, terminal mesti ditempatkan di bilik awasan dan digunakan bagi tujuan rasmi sahaja.
- 2.4. Negeri-negeri dikehendaki menyediakan buku Penyerahan dan Penerimaan Peralatan Komunikasi (Terminal Handheld) JBPM sebagaimana yang terdapat dalam Arahan Awal yang dikeluarkan pada 3 November 2008.(Lampiran)
- 2.5. Semua pengguna terminal dikehendaki menandatangani buku penyerahan dan penerimaan peralatan komunikasi pada setiap kali bertugas. (Lampiran)
- 2.6. Pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan terminal hendaklah melaporkan kepada Ketua Balai / Ketua Unit serta merta tentang kehilangan terminal.
- 2.7. Ketua Balai / Ketua Unit dikehendaki melaporkan kehilangan terminal kepada Pengarah dan Penolong Pengarah Operasi dalam masa 24 jam. Sekiranya gagal melaporkan kehilangan boleh diambil tindakan dibawah Peraturan 4(2)(i) Ingkar Perintah Atau Berkelakuan Dengan Apa-Apa Cara Yang Boleh Ditafsirkan Dengan Munasabah Sebagai Ingkar Perintah.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Keselamatan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.6
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/2

- 2.8. Laporan Polis, Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW PA 28), Kad Harta Modal GIRN dan gambar contoh peralatan yang hilang hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Malaysia dalam masa 24 jam oleh JBPM negeri.
- 2.9. JBPM negeri mesti melaporkan kehilangan terminal bagi tujuan penamatan sementara terminal yang hilang kepada help desk Sapura dengan segera.
- 2.10. Laporan lengkap siasatan kehilangan mesti dikemukakan kepada Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat dalam masa 14 hari dari tarikh laporan polis dilakukan.
- 2.11. Ketua Jabatan atau Pengarah negeri dikehendaki mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana pegawai yang cuai atau lalai sehingga menyebabkan kerosakan atau kehilangan terhadap Terminal Handheld.
- 2.12. Mana-mana Ketua Jabatan atau Pengarah Negeri yang gagal mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana pegawai yang menyebabkan kerosakan atau kehilangan Terminal Handheld boleh diambil tindakan tatatertib mengikut Peraturan 3C(1) dan (2)- Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Keselamatan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1.6
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 3/2

3. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai



(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh: *ref/4*



PROSEDUR OPERASI SERAGAM (POS) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahagian I : Pentadbiran dan Pengurusan

No POS: 4.1.7.

Subjek:

SENGGARAAN

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 1/7

1. Tujuan

Sub POS ini bertujuan untuk menseragamkan Tatacara berkaitan dasar dan tatacara senggaraan peralatan komunikasi GIRN. Skop senggaraan peralatan GIRN merangkumi peralatan dan aksesori *handheld, desktop, vehicular, marine kit, Radio Manager System* dan *Radio/Line Despatcher*.

2. Konsep Senggaraan

Senggaraan peralatan GIRN adalah seperti berikut:

2.1. Senggaraan Pencegahan

Pasukan dan pengguna bertanggungjawab menjalankan senggaraan ini. Ianya dijalankan dengan cara pemeriksaan biasa dan berjadual ke atas peralatan untuk mengelakkan dari kerosakan di luar jangkaan. Ianya dijalankan dengan cara pemeriksaan biasa dan berjadual yang bersistematik. Kerja-kerja senggaraan yang perlu dijalankan oleh pasukan pengguna adalah seperti berikut:

2.1.1. Pemeriksaan Harian

Pemeriksaan ini adalah satu tugas rutin yang dilakukan oleh setiap pengguna pada setiap hari bagi menentukan kebersihan peralatan, bentuk asal, kuantiti mencukupi serta peralatan beroperasi dengan baik. Segala pemeriksaan hendaklah direkodkan di dalam buku pemeriksaan harian. Tugas terperinci pemeriksaan harian adalah seperti yang terdapat di dalam manual setiap peralatan.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 2/7

2.1.2. Pemeriksaan Mingguan

Pemeriksaan ini hendaklah dilaksanakan oleh Penyelia pasukan pada setiap akhir minggu bagi menentukan pemeriksaan harian dilakukan dan semua rekod-rekod dan dokumen berkaitan di kemaskinikan disamping memberi teguran dan nasihat kepada pengguna dan penjaga stor.

2.1.3. Pemeriksaan Bulanan

Pemeriksaan ini akan dilakukan oleh Ketua Balai pada tiap-tiap bulan bagi menentukan pemeriksaan harian dan mingguan dijalankan dengan betul dan sempurna serta semua teguran semasa pemeriksaan mingguan telah pun di ambil tindakan.

2.2. Senggaraan Pembetulan

Senggaraan ini dilaksanakan oleh juruteknik terlatih dari syarikat pemegang konsesi peralatan GIRN. Juruteknik berkenaan bertanggungjawab memeriksa, menguji, membaiki kerosakan dan mengganti modul dan komponen yang didapati rosak.

3. Peringkat Senggaran

Senggaraan untuk peralatan GIRN terbahagi kepada 3 peringkat seperti berikut:

3.1. Peringkat Pertama (Level 1)

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 3/7

3.1.1. Pegawai Bomba.

Senggaraan pencegahan peralatan oleh pegawai bomba (pengguna) yang tidak membabitkan penukaran alat ganti atau pembaikan kerosakan.

3.1.2. Pemegang Konsesi

Pembaikan yang melibatkan penukaran alat ganti luaran atau aksesori yang di lakukan di *Regional atau site office*.

3.2. Peringkat Kedua (Level 2)

Senggaraan ini merupakan pembaikan di bawah tanggungjawab pemegang konsesi yang membabitkan penukaran komponen dalaman terminal. Pembaikan terhadap kerosakan ini dilakukan di Pusat Pembaikan pemegang konsesi.

3.3. Peringkat Ketiga (Level 3)

Pembaikan terminal yang di luar kemampuan Pusat Pembaikan Pemegang konsesi, akan dihantar ke pembuat asal atau *Original Equipment Manufacturer* (OEM). Kerosakan yang tidak boleh dibaiki akan diklasifikasikan sebagai Tidak Ekonomi Baiki (TEB) oleh MKN.

4. Proses Pembaikan Terminal

Semua jenis pembaikan terminal iaitu handheld, desktop dan vehicular/marine kit di laksanakan oleh pemegang konsesi. Prosedur pembaikan adalah seperti berikut:

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 4/7

- 4.1. Terminal pengguna yang rosak hendaklah dihantar ke Pusat Gerakan Operasi Negeri / Bahagian / Unit masing-masing. Pusat Pengumpulan akan memadam *konfigurasi radio manager*. Ia juga akan menghubungi *Helpdesk* Pemegang konsesi bagi mendapatkan nombor *trouble ticket* (TT) bagi peralatan yang rosak dan mengisi borang SRR01.
- 4.2. Penolong Pengarah Operasi Negeri / Ketua Unit akan menghantar terminal yang rosak beserta borang SRR01 ke Pemegang konsesi *regional* atau *site office* yang berhampiran. Pembaikan yang tidak dapat dilakukan di peringkat regional atau site office akan di hantar oleh pihak Pemegang konsesi ke Pusat Pembaikan di Wangsa Maju. Bagi kawasan Lembah Kelang, penghantaran oleh Pusat Pengumpulan boleh di buat terus ke Pusat Khidmat Pelanggan Pemegang konsesi, Wangsa Maju.
- 4.3. Setelah pembaikan siap dilakukan, Pusat Pembaikan Pemegang konsesi akan membuat penghantaran semula ke Pemegang konsesi *regional* atau *site office*. Pemegang konsesi *Helpdesk* akan m enghubungi Penolong Pengarah Operasi Negeri / Ketua Unit untuk membuat pengambilan.
- 4.4. Penolong Pengarah Operasi Negeri / Ketua Unit akan membuat akuan penerimaan terminal di Pemegang konsesi Regional/Site Office dan akan memasukkan semula konfigurasi asal *Radio Manager* sebelum memaklumkan kepada pengguna untuk pengambilan.

Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 5/7

4.5. Pasukan pengguna perlu membuat ujian kawalan mutu peralatan yang baru dibaiki. Jika masih rosak atau rendah mutu pembaikannya, peralatan hendaklah dihantar semula kepada Penolong Pengarah Operasi Negeri / Ketua Unit untuk proses pembaikan semula.

4.6. Peralatan yang dikenal pasti TEB akan dikembalikan oleh Pemegang konsesi ke Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk proses pelupusan. Carta aliran prosedur pembaikan adalah seperti di Kembaran A.

5. Prosedur Pembaikan Radio Manager dan Line Dispatcher

5.1. Jika terdapat sebarang kerosakan pada *Radio Manager* dan *Radio / Line Despatcher*, laporan hendaklah dibuat melalui panggilan ke talian Pemegang konsesi *Helpdesk* (1-800-88-4476) dengan serta merta. Pihak Pemegang konsesi akan membuat pembaikan di tempat pengguna dengan kadar segera

6. Tempoh Pembaikan

Pemegang konsesi di syaratkan bagi tempoh seperti berikut:

6.1. Terminal – 15 hari bagi semenanjung malaysia dan 30 hari urusan antarabangsa

6.2. Radio Manager dan Line Dispatcher – 4 jam mengambil tindakan keatas trouble ticket (TT) dan 6 jam siap di baik pulih bagi semenanjung malaysia dan 8 jam siap baik pulih bagi kawasan Sabah/Sarawak.

Bahagian IV: Komunikasi Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	TERHAD
	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 6/7

6.3. Sebarang kelewatan pembaikan hendaklah dilaporkan ke Bahagian Operasi Kebombaan

7. Laporan Kerosakan

- 7.1. Pengguna/Pasukan perlu mengisi Borang GR 1 (2 salinan) memaklumkan butir-butir kerosakan sebelum menghantar kepada Penolong Pengarah Operasi Negeri / Ketua Unit. Satu salinan Borang GR 1 yang telah disahkan akan disimpan oleh pengguna/pasukan. Semua maklumat senggaraan perlu direkodkan ke dalam Buku Senggaraan.
- 7.2. Penolong Pengarah Operasi Negeri / Ketua Unit akan mencatatkan segala laporan kerosakan di dalam Borang SRR01 (5 salinan) yang disediakan oleh pihak Pemegang konsesi (seperti di Kembaran B). Salinan borang SRR01 diagihkan kepada:
- a. Salinan asal – Bersama terminal
 - b. Salinan Kuning – Pengguna/Pasukan
 - c. Salinan Biru - Pemegang Konsesi
- 7.3. Penyata peralatan bulanan GIRN perlu dihantar oleh setiap Perkhidmatan ke Bahagian Operasi Kebombaan untuk tujuan pemantauan kesiapsiagaan peralatan GIRN.


Bahagian IV: Komunikasi	TERHAD
Subjek: Senggaraan Government Integrated Radio Network	No POS: 4.1
	Tarikh Pindaan:
Tarikh Terbitan:	Muka Surat: 7/7

8. Tatacara Laporan Kecuaian dan Penyalahgunaan

Kerosakan peralatan GIRN boleh terjadi disebabkan oleh kecuaiian atau penyalahgunaan oleh pengguna secara sengaja atau tidak di sengajakan. Setelah mendapat pengesahan daripada negeri berlakunya kecuaiian atau penyalahgunaan, negeri hendaklah membuat penyiasatan. Jabatan akan mengambil tindakan berasaskan Laporan Penyiasatan. Jabatan akan memajukan laporan tindakan yang telah di ambil ke MKN.

9. Tarikh Kuatkuasa

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa mulai


(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh:

26/4.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

Borang TRG 1

**LAPORAN KEROSAKAN
TERMINAL HANDHELD, DESKTOP DAN VEHICULAR**

1. Nama Bahagian / Unit / Balai:
2. Tarikh :
3. Jenis Terminal:
4. Bilangan Terminal Rosak :
5. No ISSI dan No Serial :

Bil	Peralatan Rosak	Jenis Rosak	Catatan
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			

.....
Tandatangan Pegawai Pelapor
Tarikh :

.....
Tandatangan Ketua Balai
Tarikh :

.....
Tandatangan Penolong Pengarah
Operasi Negeri
Tarikh :